

BENTUK KERTAS SOALAN

Status : Kertas Tertutup

Kertas Pendidikan Moral terdiri daripada dua bahagian iaitu **Bahagian A** yang mengandungi **LAPAN** soalan struktur (10 markah untuk setiap soalan) dan **Bahagian B** yang mengandungi **TIGA** soalan esei (10 markah untuk setiap soalan)

BENTUK JAWAPAN CALON YANG DIKEHENDAKI

Calon dikehendaki menjawab **semua lapan soalan struktur**. Bagi soalan esei, calon hanya diminta menjawab **mana-mana dua soalan** daripada tiga soalan esei yang disediakan. Sekiranya calon menjawab ketiga-tiga soalan, hanya dua esei yang mendapat markah tertinggi akan diambil kira. Calon diberi masa 2½ jam untuk menjawab kesemua soalan mengikut arahan yang diberi. Calon hendaklah menulis jawapan di ruang yang disediakan di dalam kertas soalan. Calon tidak boleh menukar atau mengubahsuai ruang yang diberi atau menggunakan kertas lain untuk menulis jawapan.

Soalan adalah berdasarkan **isu** atau **situasi**. Kertas Pendidikan Moral 2005 telah mengemukakan pelbagai **isu** dan **situasi** seperti adat-istiadat, kekeluargaan, patriotisme, gejala sosial, kepenggunaan, alam sekitar, hubungan antarabangsa, perpaduan, gotong-royong dan isu kemasyarakatan.

Isu-isu ini telah dikemukakan dalam pelbagai bentuk seperti grafik, jadual, dialog dan lain-lain. Jawapan calon hendaklah menjurus kepada **nilai-nilai murni** serta kandungan akademik mengikut Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral.

Jawapan calon dinilai dari aspek ketepatan nilai untuk situasi, penerangan yang menjurus kepada **nilai** yang dipilih, definisi yang mengandungi kata kunci yang ditetapkan dan menepati kehendak soalan serta huraian atau contoh yang berkaitan dengan situasi.

PEMARKAHAN DALAM KERTAS PENDIDIKAN MORAL

Secara umumnya bagi tahun 2005, pemarkahan kertas Pendidikan Moral adalah seperti berikut:

Bahagian A : Soalan Struktur (10 markah untuk setiap soalan)

PERKARA	MARKAH
Nilai	1
Penerangan *	1
Definisi Nilai	2
Langkah/Tindakan/Kesan/Fakta/Cadangan dan Lain-Lain	1

*Penerangan ialah ayat yang menggunakan kata kunci maksud nilai yang dikaitkan dengan situasi soalan.

Soalan struktur dikemukakan dalam pelbagai pendekatan. Selain daripada soalan yang memerlukan nilai, penerangan dan huraian atau contoh seperti tahun-tahun sebelumnya, soalan tahun ini menghendaki calon menjawab soalan yang memerlukan definisi nilai, langkah atau tindakan, kesan atau akibat, menyatakan maklumat, memberikan cadangan dan soalan-soalan lain yang memerlukan jawapan berbentuk Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis (KBKK).

Soalan struktur memerlukan calon menunjukkan kemahiran menyata, menjelas atau menghuraikan jawapan mengikut kehendak soalan. Calon haruslah berkeupayaan menunjukkan kemahiran dan kematangan dalam mengupas kehendak soalan. Calon perlu memahami kehendak arahan soalan seperti membezakan kata tugas sebagaimana berikut;

1. Nyatakan/Berikan/Apakah/Namakan/Cadangkan

Calon hanya perlu menyatakan nilai atau jawapan lain tanpa sebarang penerangan lanjut.

Contoh i:

Nyatakan dua nilai yang sepatutnya ada dalam situasi di atas.

(2 markah)

Calon hanya perlu memberikan dua nilai yang tepat sahaja. Jumlah markah berdasarkan jumlah nilai yang diberi oleh calon.

Contoh ii:

Berikan definisi satu daripada nilai yang dinyatakan dalam Soalan 1(a).
(2 markah)

Calon perlu memberikan definisi nilai dengan tepat. Definisi yang tidak tepat akan dipertimbangkan untuk diberi separuh daripada markah jika mengandungi sebahagian kata kunci.

Contoh nilai: Hemah Tinggi

Kata kunci nilai Hemah Tinggi ialah **beradab sopan** (kata kunci 1) dan **berbudi pekerti mulia** (kata kunci 2)

Jika calon memberikan dua kata kunci, 2 markah akan diberikan.
Jika calon memberikan hanya satu kata kunci, 1 markah sahaja akan diberikan.

Contoh iii:

Apakah langkah yang perlu dilakukan untuk mengatasi
(3 markah)

Calon perlu menyatakan tiga langkah sahaja.

2. Jelaskan/Terangkan

Calon perlu menyatakan nilai atau jawapan lain dengan penerangan yang sesuai berdasarkan situasi mengikut kehendak soalan.

Contoh:

Jelaskan/Terangkan nilai yang diamalkan
(2 markah)

Calon perlu menyatakan nilai dan penerangan sahaja.

3. Huraikan

Calon perlu menyatakan nilai yang tepat dan disertakan dengan penerangan yang berkaitan situasi dan diikuti dengan huraian atau contoh yang bersesuaian dengan penerangan yang diberikan.


Contoh:

Huraikan dua nilai yang perlu diamalkan
(6 markah)

Calon perlu memberi dua nilai. Setiap nilai diikuti dengan penerangan dan contoh atau huraian.

Bahagian B : Soalan Esei (10 markah untuk setiap esei)

Calon dikehendaki mengemukakan sekurang-kurangnya dua nilai. Setiap nilai diikuti dengan dua penerangan dan dua huraian atau contoh.



NILAI	-	1 markah	x	1N	=	1 markah
PENERANGAN	-	1 markah	x	2P	=	2 markah
HURAIAN/CONTOH	-	1 markah	x	2H/C	=	2 markah
JUMLAH					=	5 markah

Contoh Soalan Esei

Pelajar suka menggunakan kata-kata kesat dan lucah dalam perbualan dengan rakan-rakan mereka. Huraikan **dua nilai** yang sepatutnya diamalkan oleh pelajar tersebut.

Contoh Jawapan :

Pelajar harus mengamalkan nilai **hemah tinggi**. Mereka perlu **beradab sopan** dalam pergaulan dengan rakan-rakan mereka. Contohnya, dengan mengelakkan penggunaan bahasa kasar dan lucah. Mereka juga perlu **berbudi pekerti mulia** dalam hubungan dengan rakan-rakan mereka. Contohnya, mereka tidak harus menyinggung perasaan rakan-rakan.

Analisis penulisan esei

Nilai	Penerangan	Contoh/Huraian
Hemah tinggi	Mereka perlu beradab sopan dalam pergaulan dengan rakan-rakan mereka.	Contohnya, dengan mengelakkan penggunaan bahasa kasar dan lucah.
	Mereka juga perlu berbudi pekerti mulia dalam hubungan dengan rakan-rakan mereka.	Contohnya, mereka tidak harus menyinggung perasaan rakan-rakan.

PRESTASI KESELURUHAN

Tahun ini merupakan tahun kedua penggunaan nilai dan format soalan yang baru. Jawapan calon didapati lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, calon dapat memberi jawapan yang dikehendaki. Walau bagaimanapun terdapat segelintir calon yang tidak berupaya memberikan penerangan serta huraian seperti yang diharapkan. Calon juga tidak menunjukkan kematangan dalam menjawab soalan berbentuk KBKK.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tertinggi

Calon menjawab keseluruhan jawapan dengan cemerlang dan menepati kehendak soalan. Calon mampu menjawab dengan memberikan nilai-nilai dengan betul dan dapat mendefinisikan nilai yang mengandungi keseluruhan kata kunci. Kemampuan calon memberikan kata kunci yang tepat dapat membantu calon memberi penerangan dan huraian yang bersesuaian. Calon dapat mengupas soalan dan memberikan jawapan yang sesuai dengan kehendak soalan. Jawapan calon juga menampakkan kemahiran dan penguasaan soalan berbentuk KBKK.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon masih boleh mengemukakan nilai dengan tepat tetapi lemah dalam menghurai atau menjelaskan penerangan. Calon juga boleh memberi jawapan tentang nilai tetapi tidak memberi huraian atau contoh yang tepat. Calon juga tidak dapat memberikan definisi dengan lengkap. Begitu juga soalan yang berbentuk KBKK, calon masih kurang matang dan tidak dapat mengembangkan idea dengan baik kerana tidak dapat mengupas atau tidak memahami kehendak soalan. Ada calon menulis jawapan dengan panjang tetapi tidak mengemukakan hujah yang sesuai dengan situasi. Calon juga mengabaikan soalan yang tidak difahami.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon lebih banyak meneka nilai dan menyenaraikan nilai sahaja. Mereka juga memberi nilai yang tidak tepat atau istilah-istilah lain yang bukannya nilai. Ramai calon yang memberikan penerangan, huraian, kesan tindakan dan lain-lain jawapan yang tiada kaitan dengan soalan kerana gagal mengupas soalan dan memahami kehendak soalan. Ramai calon dalam kumpulan ini bukan sahaja tidak dapat memberikan nilai yang dikehendaki soalan tetapi juga melakukan kesalahan bahasa dan ejaan. Pengetahuan calon menjawab soalan berbentuk KBKK masih di tahap rendah kerana kurang pengetahuan dan penguasaan bahasa yang lemah.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon harus memahami kehendak soalan dan isu serta situasi yang dikemukakan.
2. Calon harus memahami situasi yang dapat memberi panduan memilih nilai yang tepat dan penerangan yang bersesuaian.
3. Calon perlu memfokus kepada kehendak soalan. Calon yang mengemukakan jawapan yang terlalu panjang mungkin hilang tumpuan untuk memberi jawapan yang tepat.
4. Calon perlu mengenalpasti kehendak kata tugas seperti **nyatakan, terangkan, huraikan** dan sebagainya.
5. Calon mesti menulis nilai seperti yang terdapat di dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral.
6. Calon tidak harus mengemukakan jawapan untuk soalan esei dalam bentuk 'point-form'.
7. Calon haruslah menerangkan nilai yang dipilih dan bukan memberikan definisi **nilai**. Huraian adalah sokongan kepada **penerangan** yang diberikan. Contoh pula adalah bukti sebagai pengukuh kepada **penerangan** yang diberi.
8. Calon diingatkan supaya menulis jawapan di ruang yang disediakan dan tidak mengubahsuai format ruangan jawapan yang disediakan.
9. Calon digalakkan merancang pembahagian masa yang bersesuaian.
10. Calon perlu memahami dan menguasai semua **nilai murni** bersama maksudnya.
11. Calon perlu meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dan memperbanyakkan latihan.
12. Calon perlu membaca dan memahami kandungan buku teks.
13. Calon perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian kerana penghayatan tersebut dapat membantu calon dalam pelbagai situasi termasuk menjawab soalan.
14. Calon disarankan supaya peka terhadap isu-isu semasa dan memahami budaya kaum lain seperti pantang larang dan adat istiadat.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru seharusnya mengetahui, memahami dan menguasai **nilai-nilai murni** dengan baik.
2. Guru mesti mengenalpasti kata kunci semua **nilai** serta mendedahkannya kepada pelajar.
3. Guru sewajarnya melatih pelajar memahami **isu** atau **situasi** dan kehendak soalan.
4. Guru juga disarankan memaksimumkan penggunaan buku teks, buku panduan guru dan bahan-bahan lain dalam pengajaran dan pembelajaran.
5. Guru juga perlu membincangkan dan mendedahkan isu-isu semasa daripada pelbagai sumber seperti media cetak, media elektronik atau melayari laman web seperti yang dicadangkan dalam buku teks.
6. Guru perlu mendedahkan kepada pelajar bentuk atau format jawapan yang dikehendaki.
7. Guru perlu membimbing calon mengenalpasti **kata tugas** dalam soalan dan menjawab mengikut kehendak kata tugas.

8. Guru perlu mempelbagaikan kaedah mengajar agar proses pengajaran dan pembelajaran menarik minat pelajar.
9. Guru harus melengkapkan diri dengan maklumat terkini berkaitan dengan peperiksaan dan kurikulum bagi mata pelajaran Pendidikan Moral.
10. Guru disarankan menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajaran Pendidikan Moral agar mendapat lebih banyak pendedahan.
11. Guru harus mempunyai pandangan yang positif terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral sebagai mata pelajaran teras.
12. Guru perlu sedar bahawa mata pelajaran Pendidikan Moral bukan sahaja sebagai mata pelajaran teras tetapi ia juga adalah sebagai mekanisma atau kaedah untuk menjana sahsiah pelajar yang terpuji.

